



SEBUTAN VOKAL TINGGI SUKU KATA AKHIR TERTUTUP GURU: ANALISIS TEORI FONOLOGI GENERATIF DAN SOSIOFONOLOGI SERTA KESANNYA TERHADAP KESALAHAN EJAAN MURID

(Teacher's Pronunciation of High Vowels at Closed Final Syllable: An Analysis of Generative Phonology and Sociophonology and its Effect on Students' Spelling Mistakes)

Nur Farakhanna Mohd Rusli¹  
farakhanna@fbk.upsi.edu.my

Abdul Rasid Jamian²  
rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my

Norfaizah Abdul Jobar³  
norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my

Nur Faaizah Md Adam⁴ 
nurfaaizah@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.^{1,2,3 & 4}

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Nur Farakhanna Mohd Rusli, Abdul Rasid Jamian, Norfaizah Abdul Jobar & Nur Faaizah Md Adam. (2024). Sebutan vokal tinggi suku kata akhir tertutup guru: Analisis teori fonologi generatif dan sosiofonologi serta kesannya terhadap kesalahan ejaan murid. *Jurnal Bahasa*, 24(1), 123–140. [https://doi.org/10.37052/jb24\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/jb24(1)no5)

Peroleh: Received:	1/3/2024	Semakan: Revised	21/3/2024	Terima: Accepted:	29/4/2024	Terbit dalam talian: Published online:	20/6/2024
-----------------------	----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk menjelaskan sebutan vokal tinggi /i/ dan /u/ yang berada pada posisi suku kata akhir tertutup guru berdasarkan analisis teori fonologi generatif dan sosiofonologi, serta kesannya terhadap kesalahan ejaan murid. Tiga guru bahasa Melayu Tahun 1 dan 114 murid Tahun 1 di sebuah sekolah di daerah Hulu Langat, Selangor dipilih sebagai responden. Data dikumpulkan menggunakan borang soal selidik, borang maklum balas dan alat perakam dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan pemerhatian. Kemudian, data dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan (i) teori fonologi generatif dan (ii) faktor sosiofonologi. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat murid yang menggantikan kata yang terdapat vokal tinggi /i/ dan /u/ pada suku kata akhir tertutup sebagai “e” dan “o” dalam penulisan mereka akibat ujaran guru yang membunyikan vokal /i/ dan /u/ pada posisi tersebut sebagai [e] dan [o], masing-masing. Misalnya, kata “arif” diujarkan sebagai [a.ref] dan “kamarul” diujarkan sebagai [ka.mā.rol]. Dengan berdasarkan teori fonologi generatif, perubahan ini berlaku disebabkan oleh proses perendahan vokal, iaitu perubahan fitur vokal [+tinggi] kepada fitur vokal [-tinggi] dan [+ATR]. Dari segi sosiofonologi, bahasa seharian yang sering digunakan, masalah gangguan bahasa, dan penggunaan dialek setempat telah mempengaruhi pelaksanaan proses perendahan vokal. Umumnya, kajian ini berusaha mengetengahkan perbezaan penggunaan vokal /i/ dan /u/ dan vokal [e] dan [o] kepada murid Tahun 1 untuk mengelakkan kekeliruan dan kesalahan ejaan kata bahasa Melayu secara berterusan.

Kata kunci: Vokal tinggi, perendahan vokal, suku kata akhir tertutup, ujaran lisan guru Bahasa Melayu, sosiofonologi, fonologi generatif

Abstract

This study was conducted to explain the teachers' pronunciation of high vowels /i/ and /u/ at closed final syllable based on an analysis using generative phonology and sociophonology, as well as its effect on students' spelling mistakes. Three Malay language teachers and 114 Year One students from a school at Hulu Langat, Selangor, were selected as respondents. The data were collected by questionnaires, feedback forms and voice recorder using library research and observations. The data were analysed qualitatively using (i) generative phonology and (ii) sociophonological factors. The results showed that several Year One students spelt words that contain high

vowels /i/ and /u/ at closed final syllable as “e” and “o” due to the teacher’s pronunciation of the said vowels at that position as [e] and [o]. For example, the word “arif” was pronounced as [a.ref], and “kamarul” was pronounced as [ka.mã.rol]. Based on generative phonology, the changes are caused by vowel lowering process, which is the change of the features of [+high] vowel to [-high] vowel and [+ATR]. In terms of sociophonology, the frequent use of natural language, language disorder and use of local dialect are factors that cause vowel lowering process at closed final syllable. In general, this study attempts to highlight the differences between the vowels /i/ and /u/ and [e] and [o], especially for Year One students, to avoid frequent confusion and spelling mistakes of Malay vocabulary.

Keywords: High vowels, closed final syllable, Malay language teacher’s communication, sociophonology, generative phonology

PENDAHULUAN

Setiap bahasa mempunyai keistimewaannya yang tersendiri, termasuklah bahasa Melayu. Bahasa Melayu mempunyai dua kelainan sebutan, iaitu kelainan-a dan kelainan-ə. Bahasa Melayu kelainan-a banyak digunakan di sebelah utara Semenanjung Malaysia, manakala bahasa Melayu kelainan-ə lebih banyak digunakan di sebelah pantai barat dan selatan Semenanjung Malaysia. Dalam makalah ini, jenis bahasa Melayu kelainan-ə akan diberikan tumpuan.

Bahasa Melayu kelainan-ə juga dikenali sebagai dialek Melayu Johor-Riau. Dialek Melayu Johor-Riau merupakan kelainan bahasa yang boleh digunakan dalam konteks rasmi yang melibatkan komunikasi lisan, seperti mesyuarat, berita, seminar dan forum yang menggantikan sebutan baku bahasa Melayu. Penggantian ini berlaku disebabkan oleh pemansuhan sebutan baku pada tahun 2000 oleh Jemaah Menteri Malaysia akibat kekangan penutur yang kebanyakannya gagal membunyikan kata mengikut sistem ejaan bahasa Melayu itu sendiri.

Kegagalan ini berlaku apabila penutur gagal membunyikan kata mengikut nilai bunyi sesuatu huruf. Misalnya, kata “mata”, “pilih” dan “burung” yang perlu diujarkan sebagai [mã.ta], [pi.lih] dan [bu.ruŋ] dibunyikan sebagai [mã.tə], [pi.leh] dan [bu.roŋ]. Perbezaan bunyi yang dihasilkan ini jelas berbeza daripada sebutan baku yang berprinsipkan sebutan kata berasaskan fonemik, iaitu ejaan, kerana penutur memilih untuk

menggunakan Dialek Melayu Johor-Riau dalam komunikasinya kerana dianggap sebagai suatu proses fonologi yang alamiah dan memudahkan ujaran.

Sungguhpun demikian, dalam konteks pendidikan, penggunaan kedua-dua kelainan bahasa ini perlu diberikan perhatian, khususnya dalam kalangan murid yang baru memasuki alam persekolahan, seperti murid prasekolah dan murid Tahun 1. Pada peringkat ini, murid ini sedang dalam proses mempelajari dan memahami sistem kebahasaan bahasa kebangsaan. Selain itu, murid ini juga sedang dalam proses menerima pelbagai input kebahasaan yang diajarkan oleh orang dewasa atau yang diperoleh dari sekelilingnya. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, bahasa Melayu baku dan dialek Melayu Johor-Riau mempunyai perbezaan fonologi. Maka, pendedahan terhadap penggunaan kedua-dua kelainan bahasa ini perlu diberikan perhatian bagi mengelakkan kekeliruan terhadap input yang akan diterima oleh golongan ini.

Pernyataan Masalah

Istilah sosiofonologi merujuk hubungan antara sosiolinguistik dan fonologi. Sumarsono (2010) mendefinisikan sosiolinguistik sebagai kajian tentang bahasa yang dikaitkan dengan keadaan masyarakat. Fonologi pula merupakan bidang kajian tentang sistem bunyi bahasa. Oleh itu, sosiofonologi boleh dijelaskan sebagai masalah kebahasaan dalam masyarakat yang memfokuskan kajian bunyi bahasa yang terhasil disebabkan oleh gejala sosial masyarakat itu sendiri (Khasanah & Muhammad Nanang Qosim, 2017). Dalam makalah ini, permasalahan sosiofonologi yang difokuskan ialah perubahan vokal tinggi /i/ dan /u/ pada suku kata akhir tertutup kepada bunyi [e] dan [o] yang berlaku disebabkan oleh faktor sosiofonologi ujaran lisan guru bahasa Melayu.

Kajian oleh Idris Aman dan Shahidi Abd. Hamid (2001) terhadap bacaan bersumberkan teks, iaitu bacaan daftar kata, petikan dan wawancara, terhadap pelajar Tingkatan 6 mendapati bahawa ragam bahasa sebutan baku dapat dilaksanakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Tambahnya lagi, perubahan yang berlaku terhadap vokal /a/, /i/ dan /u/ dalam bacaan berteks adalah pada tahap yang minimum, iaitu pelajar tidak cenderung untuk mengubah bunyi ketiga-tiga vokal itu kepada bunyi [ə], [e] dan [o] seperti yang diujarkan dalam dialek Melayu Johor-Riau. Oleh itu, kajian yang memfokuskan aspek pertuturan perlu dilakukan kerana aspek pertuturan tidak mementingkan ketepatan

struktur bahasa, sebaliknya lebih banyak berlaku dalam bentuk ujaran yang spontan. Hal ini secara tidak langsung mempengaruhi pelbagai kelainan bunyi yang dihasilkan oleh penutur.

Seterusnya, Ahmad Omar (2006) menjelaskan bahawa penggunaan dialek setempat turut mempengaruhi kemahiran menulis pelajar. Dalam bidang fonologi, perubahan /a/ kepada [ə], /i/ kepada [e] dan /u/ kepada [o] merupakan suatu proses fonologi yang alamiah, iaitu bunyi yang dihasilkan lebih mudah disebut (Nur Fathiha Asyikin Baharin et al., 2021). Sebagai contoh, dapatan kajian Ahmad Omar (2006) menunjukkan bahawa penutur dialek Terengganu membunyikan vokal /a/, /i/ dan /u/ sebagai [ə], [e] dan [o], masing-masing dalam komunikasi sehariannya. Perubahan ini dapat menjadi suatu kecenderungan dalam kalangan penutur untuk menggunakan bunyi tersebut bukan sahaja dalam pertuturan, malah dalam penulisan.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, bahasa Melayu baku dan dialek Melayu Johor-Riau mempunyai perbezaan dari segi fonologi. Jika sebutan baku dilafazkan sebagaimana dieja, dialek Melayu Johor-Riau pula mempunyai pelbagai perubahan terhadap vokal, bahkan konsonan pada lingkungan tertentu dalam kata. Oleh hal yang demikian, dalam bidang pendidikan, khususnya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi murid yang baru memasuki alam persekolahan, perbezaan kedua-duanya perlu ditekankan. Dalam hal ini, guru perlu mengelak aspek sosiofonologi daripada menjadi faktor kekeliruan dalam penyampaian pengajaran.

Ertinya, guru perlu mengelakkan kebiasaan penggunaan bahasa seharian, gangguan bahasa dan dialek ketika sesi pengajaran dan pembelajaran kerana dikhuatiri akan menjejaskan pemahaman dan penguasaan bahasa murid. Jika guru bertutur menggunakan bahasa yang tidak tepat ketika menyampaikan pengajaran, kemudian meminta murid menulis kata yang berbeza cara ejaan dan ujarannya, berlaku kekeliruan dalam kalangan murid untuk memahami cara menyebut dan mengeja kata tersebut. Hal ini dikhuatiri menyebabkan murid tertanya-tanya akan punca suatu kata tidak ditulis sebagaimana yang diujarkan oleh gurunya. Oleh hal yang demikian, kajian ini turut dilakukan untuk menjelaskan kesan pengaruh sosiofonologi guru ketika menyampaikan pengajaran kepada murid dengan memfokuskan perubahan sebutan vokal tinggi pada suku kata akhir tertutup.

Objektif Kajian

Terdapat empat objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini, iaitu:

1. Mengenal pasti perubahan sebutan vokal tinggi suku kata akhir tertutup guru.
2. Menganalisis perubahan sebutan vokal tinggi suku kata akhir tertutup guru berdasarkan teori fonologi generatif.
3. Menghuraikan punca perubahan sebutan vokal tinggi suku kata akhir tertutup guru dari aspek sosiofonologi.
4. Menjelaskan kesan perubahan sebutan vokal tinggi suku kata akhir tertutup guru terhadap ejaan murid.

KAJIAN LEPAS

Ahmad Omar (2006) dalam kajiannya berpendapat bahawa pengaruh dialek dapat menjejaskan penguasaan penulisan pelajar. Menurutnya, antara punca kelemahan sebutan oleh penutur termasuklah pengaruh dialek tempatan. Misalnya, penutur dialek Terengganu membunyikan vokal /i/ pada tengah kata sebagai [e], manakala vokal /u/ pada akhir kata sebagai [o]. Kebiasaan bertutur menggunakan bunyi tersebut cenderung untuk mempengaruhi penggunaan ragam bahasa tidak formal, khususnya dalam kalangan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Farid M. Onn dan Ajjid Che Kob (1981) juga berpendapat bahawa dialek dapat menimbulkan pengaruh negatif terhadap penguasaan sebutan bahasa Melayu standard di sekolah. Bagi Awang Sariyan (1989), kebanyakan pelajar didapati gagal memperoleh keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kerana banyak melakukan kesalahan bahasa. Hal ini dapat berlaku disebabkan oleh faktor sosiofonologi yang bukan sahaja mempengaruhi kemahiran menulis, bahkan kemahiran bertutur dan kemahiran mendengar pelajar yang sudah biasa menggunakan ragam bahasa tidak formal dalam komunikasi seharian sehingga gagal menerapkan penggunaan ragam bahasa formal dalam konteks pengajaran dan pembelajaran.

Indhumathy (2013) pula mendapati bahawa terdapat guru yang tidak menggunakan bahasa Melayu dengan tepatnya, misalnya ragam bahasa formal ketika mengajar kerana selesa atau sudah terbiasa menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Kesannya, berlaku kesilapan bahasa

disebabkan oleh gangguan bahasa seperti yang dijelaskan dalam kajian Azman Wan Chik (1986).

Seterusnya, Rendy Aditya (2017) menjelaskan bahawa maklumat yang disampaikan oleh penutur boleh disalah tafsir oleh pendengar jika penutur berkomunikasi dengan cara yang salah. Dalam konteks hubungan antara kemahiran sosiofonologi guru dengan kesalahan ejaan yang dilakukan oleh murid, kata dieja dengan cara yang salah oleh murid jika guru tidak menuturkan kata tersebut dengan tepatnya. Oleh itu, ketika menyampaikan pengajaran, guru perlu menggunakan bahasa yang betul dan tepat supaya kata yang dituturkan tidak menjejaskan pemahaman murid. Guru juga perlu mendedahkan ragam bahasa yang betul untuk tujuan formal dan tidak formal supaya ragam bahasa yang digunakan oleh guru dapat difahami dan digunakan oleh murid mengikut konteks yang betul.

Bagi Husna Faredza Mohamed Redzwan et al. (2018), golongan pendidik perlu menerapkan penggunaan bahasa Melayu tinggi ketika mengajar. Dalam kajiannya, pengkaji ini menjelaskan bahawa aspek sosiofonologi dipengaruhi oleh faktor sosial dan penggunaan bahasa Melayu ragam biasa oleh penutur. Kesannya, ujaran penutur berubah seperti yang dapat diperhatikan dalam kata “nasi” yang diujarkan sebagai [nāsi?] dan kata “besar” yang diujarkan sebagai [bəsa]. Dalam hal ini, berlaku proses penambahan dan pengguguran fonem.

Jika dilihat dari segi fonetik, guru harus memahami bahawa kaedah asas membaca yang dizahirkan melalui ujaran lisan menitikberatkan hubungan antara huruf (simbol) dengan bunyi. Kaedah ini juga dikenali sebagai kaedah fonetik dan sesuai digunakan untuk membantu kanak-kanak mengenal huruf (Khairuddin Mohamad, 2011). Oleh itu, penggunaan bahasa formal dalam pengajaran dan pembelajaran membolehkan murid mengenal pasti penggunaan huruf vokal dan konsonan yang tepat untuk diaplikasikan ketika mengeja kata yang diujarkan oleh guru. Secara tidak langsung, isu kesalahan ejaan yang disebabkan faktor sosiofonologi guru dapat dielakkan.

Dalam hal ini, jika ibu bapa, bahkan guru di sekolah tidak menerapkan ilmu kebahasaan dengan sewajarnya, dikhuatiri bahawa pada peringkat ini, proses pemerolehan bahasa kanak-kanak akan terganggu. Kesannya, kanak-kanak bukan sahaja keliru untuk memahami variasi sebutan yang pelbagai, malah sukar menguasai bidang lain dalam bahasa Melayu itu sendiri. Sehubungan dengan itu, pengkaji menekankan kepentingan penerapan strategi yang tepat oleh guru ketika menyampaikan pengajaran

agar dapat diterima dengan sebaik-baik mungkin oleh murid kerana kemahiran bertutur dapat mempengaruhi sebutan penutur. Oleh itu, kajian ini menganalisis faktor sosiofonologi terhadap sebutan guru dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan kesannya terhadap ejaan murid Tahun 1.

METODOLOGI

Kajian ini menerapkan reka bentuk kajian tinjauan dan mengaplikasikan kaedah kualitatif untuk menganalisis data. Menurut Rahizian Mohd Shukor et al. (2021), kajian kualitatif membolehkan pengkaji memerhatikan dan berinteraksi dengan peserta kajian, serta mengumpulkan dan menganalisis data kajian. Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian. Kaedah kepustakaan digunakan dengan merujuk sumber bertulis yang berkaitan dengan skop kajian, termasuklah buku akademik, disertasi, jurnal, artikel dan buletin. Menurut Abdul Halim Ali (2019), rujukan daripada sumber berteks membantu penyelidik membina permasalahan kajian berdasarkan kelompangan daripada kajian lepas, sekali gus dapat membentuk objektif dan persoalan yang relevan dengan kajian yang ingin dijalankan.

Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian yang digunakan ialah pemerhatian turut serta. Kaedah ini dijalankan di sebuah sekolah di daerah Hulu Langat di Selangor untuk melihat pengaruh sosiofonologi guru terhadap kesalahan ejaan yang dilakukan oleh murid. Kaedah pemerhatian yang dilaksanakan dalam kajian ini dimulakan dengan memohon kebenaran daripada guru besar dan tiga guru bahasa Melayu Tahun 1 yang mengajar di sekolah tersebut. Ketika pemerhatian dijalankan, pengkaji meninggalkan alat rakaman audio di dalam kelas untuk merakam ujaran guru. Guru telah dimaklumkan untuk menyebut ayat yang telah disediakan oleh pengkaji dan meminta murid mengeja, serta menuliskannya berdasarkan ujaran yang disebut oleh guru. Pada akhir sesi pemerhatian, alat perakam audio dan hasil jawapan murid dikumpulkan untuk tujuan analisis.

Sekolah ini dipilih kerana terletak di kawasan pedalaman atau luar bandar bagi membolehkan penulis mendapatkan data konvensional, iaitu data bahasa yang belum bercampur dengan slanga, bahasa rancu, percampuran kod, bahkan bahasa sohor kini yang semakin mendapat tempat dalam kalangan generasi muda. Responden yang dipilih untuk

kajian ini dilakukan secara persampelan bertujuan untuk menjawab objektif kajian penyelidikan, iaitu tiga orang guru bahasa Melayu Tahun 1 dan murid Tahun 1 daripada tiga buah kelas berskala lemah, sederhana dan cemerlang.

Lima instrumen digunakan untuk mendapatkan data kajian. Pertama, buku teks Tahun 1 digunakan sebagai panduan untuk membina senarai ayat untuk diujarkan oleh guru supaya ayat yang dibina bersesuaian dengan tema dan peringkat umur murid Tahun 1. Kedua, alat perakam audio digunakan untuk merakam sebutan guru yang mengujarkan senarai ayat yang telah disediakan oleh pengkaji. Ketiga, borang soal selidik yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat guru. Keempat, teks senarai ayat yang perlu diujarkan oleh guru ketika pemerhatian dijalankan yang terdiri daripada tiga set, iaitu set A untuk guru pertama (Tema Keluarga Penyayang dan Masyarakat Muhibbah), set B untuk guru kedua (Tema Peningkatan Kebersihan dan Kesihatan, serta Keselamatan), dan set C untuk guru ketiga (Tema Negaraku Tercinta dan Sains, Teknologi dan Inovasi). Kelima, borang maklum balas, iaitu ejaan yang diisi oleh murid berdasarkan ujaran yang dituturkan oleh guru.

Data yang dikumpulkan akan ditranskripsikan menggunakan transkripsi fonetik bagi melihat perubahan fonologi yang berlaku, khususnya terhadap vokal tinggi /i/ dan /u/ yang berada pada lingkungan suku kata akhir tertutup. Data dianalisis dengan menggunakan teori fonologi generatif model linear oleh Chomsky dan Halle (1968), yang kemudiannya dikembangkan oleh Roca dan Johnson (1999), dan Roca (2003). Perubahan yang berlaku turut dianalisis dari aspek sosiofonologi. Aspek sosiofonologi ini pada dasarnya bukan pendekatan atau model kajian, sebaliknya pemboleh ubah dalam bidang fonologi yang dapat menjelaskan kelainan gaya bahasa yang dituturkan oleh penutur (Holey, 1997; Idris Aman dan Shahidi Abd. Hamid, 2021; Labov, 1972; Trudgill, 1974). Akhir sekali, rumusan, implikasi dan cadangan dikemukakan pada peringkat akhir kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan perubahan sebutan vokal tinggi suku kata akhir tertutup guru, analisis perubahan sebutan vokal tinggi suku kata akhir tertutup guru berdasarkan teori fonologi generatif, punca perubahan sebutan vokal tinggi suku kata akhir tertutup guru dari aspek pendekatan sosiofonologi dan kesan sebutan vokal tinggi suku kata akhir tertutup

guru terhadap ejaan murid bagi menjawab objektif kajian yang ditetapkan dalam kajian ini.

Perubahan Sebutan Vokal Tinggi Suku Kata Akhir Tertutup Guru

Hasil analisis terhadap ujaran guru menunjukkan vokal tinggi /i/ dan /u/ yang berada pada suku kata akhir tertutup diujarkan sebagai [e] dan [o], masing-masing seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1 Perubahan vokal /i/ kepada vokal [e] pada suku kata akhir tertutup.

Kata	Sebutan Guru	Sebutan Baku
arif	[a.ref]	[a.rif]
murid-murid	[mũ.red-mũ.red]	[mũ.rid-mũ.rid]
cantik	[ʃʌn.teʔ]	[ʃʌn.tiʔ]
menarik	[mɔ̃.nã.reʔ]	[mɔ̃.nã.riʔ]

Jadual 2 Perubahan vokal /u/ kepada vokal [o] pada suku kata akhir tertutup.

Kata	Sebutan Guru	Sebutan Baku
kamarul	[ka.mã.rol]	[ka.mã.rul]
tidur	[ti.do]	[ti.dur]
membasuh	[mɔ̃m.ba.soh]	[mɔ̃m.ba.suh]
beratur	[bə.ra.tor]	[bə.ra.tur]
berus	[bə.ros]	[bə.rus]

Analisis Perubahan Sebutan Vokal Tinggi Suku Kata Akhir Tertutup Guru Berdasarkan Teori Fonologi Generatif

Perubahan sebutan vokal tinggi /i/ dan /u/ kepada vokal [e] dan [o] masing-masing pada suku kata akhir tertutup dalam ujaran guru ini berlaku disebabkan oleh proses perendahan vokal. Dalam bahagian ini, teori fonologi generatif, melalui formalisasi rumus digunakan untuk menganalisis perubahan yang berlaku. Dengan berdasarkan teori ini, proses perendahan vokal yang berlaku diformalisasikan seperti yang berikut:

1. Rumus perendahan vokal (rumus segmen)

$$\begin{pmatrix} i \\ u \end{pmatrix} \longrightarrow \begin{pmatrix} e \\ o \end{pmatrix} / \text{--- K\#}$$

2. Rumus perendahan vokal (notasi fitur)

$$\begin{pmatrix} + \text{sil} \\ + \text{ting} \end{pmatrix} \longrightarrow \begin{pmatrix} + \text{sil} \\ - \text{ting} \end{pmatrix} / \text{--- K\#}$$

Rumus 1 dan Rumus 2 dikenali sebagai rumus perendahan vokal. Rumus 1 merujuk rumus segmen, manakala Rumus 2 merujuk notasi fitur. Walaupun representasi kedua-dua rumus ini berbeza, kedua-dua rumus ini berfungsi untuk menjelaskan proses perendahan vokal. Rumus 1 menjelaskan perubahan bunyi dalam bentuk segmen, iaitu melalui pernyataan huruf vokal dan konsonan yang dikenali sebagai fonem. Rumus 1 bermaksud vokal /i/ dan /u/ mengalami perendahan kepada vokal “e” dan “o”, masing-masing apabila berada pada suku kata akhir tertutup, dengan mewakili lingkungan atau posisi, K mewakili konsonan dan # merujuk akhir kata. Dalam erti kata lain, Rumus 1 menjadi syarat atau kriteria yang menentukan proses perendahan vokal berlaku. Jika vokal /i/ dan /u/ berada pada suku kata akhir terbuka, pelaksanaan rumus ini tidak berlaku kerana tidak memenuhi syarat lingkungan seperti yang ditetapkan dalam Rumus 1.

Contohnya, kata “arif” dan “tidur” mempunyai vokal /i/ dan /u/, masing-masing pada suku kata akhir tertutup, diikuti oleh konsonan selepasnya. Sebaliknya, jika vokal /i/ dan /u/ berada pada kedudukan suku kata akhir terbuka, seperti dalam kata “tadi”, “sihat”, “batu” dan “manusia”, rumus perendahan vokal tidak berlaku kerana syarat lingkungan Rumus 1 tidak dipatuhi, iaitu vokal /i/ dan /u/ tidak berada pada suku kata akhir tertutup, sebaliknya berada pada suku kata akhir terbuka. Apabila syarat lingkungan Rumus 1 tidak dipatuhi, kata tersebut kekal dieja sebagai “tadi”, “sihat”, “batu” dan “manusia” dengan mengekalkan bunyi vokal /i/ dan /u/ pada akhir kata. Ertinya, kata tersebut tidak mengalami proses perendahan vokal dan tidak dieja sebagai *“tade”, *“sehat”, *“bato” dan *“manusia”.

Dalam teori fonologi generatif, Rumus 1 yang diformalisasikan melalui pernyataan segmen vokal dan konsonan yang dikenali sebagai

fonem dapat dibahagikan kepada fitur distingtif dengan tanda positif (+) dan negatif (-). Tanda (+) bermakna mempunyai, manakala tanda (-) bermakna tidak mempunyai. Fitur distingtif ialah ciri yang membezakan setiap fonem berdasarkan nilai (+) atau (-) yang dimiliki oleh fonem tersebut. Rumus 2 ini dinyatakan untuk menjelaskan persamaan dan perbezaan antara setiap fonem itu.

Rumus 2 bermaksud semua vokal berfitur [+silabik] dan berfitur [+tinggi] mengalami proses perendahan vokal untuk menghasilkan vokal yang berfitur [+silabik] dan berfitur [-tinggi] pada lingkungan suku kata akhir tertutup. Dalam hal ini, vokal /i/ dan /u/ kehilangan fitur [+tinggi] pada lingkungan tersebut untuk digantikan dengan vokal [e] dan [o], masing-masing yang berfitur [-tinggi]. Perubahan fitur daripada [+tinggi] kepada [-tinggi] ini pula menunjukkan bahawa badan lidah yang berada tinggi di langit keras dan mendekati bumbung mulut diturunkan separuh daripada bumbung mulut. Oleh itu, menerusi teori fonologi generatif ini, perubahan vokal /i/ dan /u/ kepada vokal [e] dan [o], masing-masing dapat ditunjukkan melalui rumus perendahan vokal.

Punca Perubahan Sebutan Vokal Tinggi Suku Kata Akhir Tertutup Guru dari Aspek Pendekatan Sosiofonologi

Dari aspek sosiofonologi, Idris Aman dan Shahidi Abd. Hamid (2001) menjelaskan bahawa penggunaan bahasa tidak formal yang digunakan dalam komunikasi seharian menyebabkan proses perendahan vokal berlaku. Malah, situasi ini turut berlaku disebabkan oleh kecenderungan penutur untuk memudahkan ujaran bagi menjimatkan usaha penghasilan bunyi bahasa (Asmah Haji Omar, 1995; Hyman, 1975). Tambah Idris Aman dan Shahidi Abd. Hamid lagi, vokal /e/ dan /o/ dihasilkan dengan kedudukan lidah berada pada kedudukan yang lebih rendah jika dibandingkan dengan kedudukan lidah yang berada pada kedudukan paling tinggi dalam mulut (bumbung mulut) ketika menghasilkan vokal /i/ dan /u/. Sejarah dengan konsep yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (1995) dan Hyman (1975), penutur cenderung untuk mengujarkan bunyi [e] dan [o] berbanding dengan bunyi [i] dan [u], dan keadaan ini turut berlaku dalam kalangan pendidik, termasuklah responden kajian.

Selain itu, gangguan bahasa yang dialami oleh penutur turut mendorong perubahan sebutan vokal tinggi suku kata akhir tertutup berlaku. Sebagai contoh, ketika di luar waktu pengajaran dan pembelajaran, penutur, termasuklah golongan pendidik, terdedah pada penggunaan bahasa

slanga dan bahasa basahan. Menurut Husna Faredza Mohamed Redzwan et al. (2018), penggunaan bahasa bahasan yang sering digunakan dalam komunikasi seharian berupaya menjejaskan penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam situasi formal. Apabila kebiasaan ini digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, dikhuatiri bahawa murid mendapat input yang kurang tepat dari segi cara pengartikulasian sesetengah fonem yang mempunyai perbezaan sebutan antara menggunakan bahasa Melayu yang betul dengan bahasa basahan.

Mashetoh (2014) dalam kajiannya turut menjelaskan bahawa kebiasaan penggunaan ragam bahasa biasa dalam komunikasi seharian, seperti bahasa tidak formal, bahasa mesra dan bahasa basahan, berisiko untuk mempengaruhi ujaran guru ketika menyampaikan pengajaran. Keadaan ini bukan sahaja mempengaruhi kemahiran bertutur dalam kalangan murid, malah menjejaskan kemahiran menulis murid kerana ragam bahasa biasa cenderung untuk mempunyai kesalahan bahasa, contohnya dari segi ejaan dan binaan ayat.

Faktor seterusnya ialah dialek. Menurut Shahidi Abd. Hamid dan Rahim Aman (2010), kejayaan untuk menerapkan unsur bahasa Melayu dalam komunikasi sangat bergantung pada penguasaan pola bunyi bahasa baku oleh penutur. Jika pengaruh dialek lebih mendominasi pertuturan, pengaplikasian pertuturan baku tidak dapat dipraktikkan. Hal ini bermaksud, apabila guru menggunakan dialek dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, kesan yang ketara ialah penggunaan sebutan bahasa Melayu yang betul dan tepat akan terjejas. Dalam sesetengah dialek, proses perendahan vokal /i/ dan /u/ kepada [e] dan [o], masing-masing dianggap sebagai proses fonologi yang alamiah. Jika guru menggunakan dialek ketika menyampaikan pengajaran, penggunaan output tersebut menjadi input bagi murid, termasuklah murid Tahun 1 yang sedang dalam peringkat awal untuk mengumpulkan dan memproses pemerolehan bahasa yang diterima dari sekelilingnya. Jika kekeliruan ini tidak diatasi, kemahiran menulis, khususnya murid Tahun 1 akan terjejas.

Kesan Sebutan Vokal Tinggi Suku Kata Akhir Tertutup Guru Terhadap Ejaan Murid

Kehadiran bunyi vokal [e] dan [o] ketika menyebut vokal tinggi /i/ dan /u/ pada suku kata akhir tertutup oleh guru menyebabkan murid melakukan kesalahan ejaan. Hal ini dapat dilihat dalam Jadual 3 dan Jadual 4.

Jadual 3 Ejaan huruf “i” berdasarkan sebutan guru.

Kata	Sebutan Guru	Ejaan Murid
arif	[a.ref]	aref
murid-murid	[mũ.red-mũ.red]	mured-mured
cantik	[ʃʌn.teʔ]	cantek
menarik	[mɔ̃.nã.reʔ]	menarek

Dalam Jadual 3, terdapat sebahagian murid yang menulis vokal tinggi [i] yang berada pada suku kata akhir tertutup sebagai vokal ‘e’. Dalam data itu, kata “arif”, “murid-murid”, “cantik” dan “menarik” yang mempunyai vokal ‘i’ pada suku kata akhir tertutup ditulis sebagai *‘‘aref’’, *‘‘mured-mured’’, ‘‘cantek’’ dan ‘‘menarek’’, iaitu dengan mengejanya dengan menggunakan vokal ‘e’.

Menerusi Jadual 3 ini, dapat diperhatikan bahawa murid menulis vokal ‘e’, bukannya ‘i’ kerana guru menyebut vokal [e] ketika menyebut kata “arif”, “murid-murid”, “cantik” dan “menarik”. Dalam hal ini, guru tidak mengujarkan keempat-empat kata ini sebagai [a.rif], [mũ.rid-mũ.rid], [ʃʌn.tiʔ] dan [mɔ̃.nã.riʔ], sebaliknya mengujarkannya sebagai [a.ref], [mũ.red-mũ.red], [ʃʌn.teʔ] dan [mɔ̃.nã.reʔ]. Murid pula sekadar menulis kata berdasarkan bunyi yang didengarinya, iaitu bunyi [e].

Jadual 4 Ejaan huruf “u” berdasarkan sebutan guru.

Kata	Sebutan Guru	Ejaan Murid
kamarul	[ka.mã.rol]	kamarol, kamaro
tidur	[ti.do]	tidor
membasuh	[mɔ̃m.ba.soh]	membasoh
beratur	[bɔ̃.ra.tor]	berator
berus	[bɔ̃.ros]	beros

Dalam Jadual 4, terdapat murid yang menulis vokal tinggi atau vokal belakang sempit [u] pada suku kata akhir tertutup sebagai vokal ‘o’ yang mewakili vokal belakang separuh sempit. Dalam data itu, kata “kamarul”, “tidur”, “membasuh”, “beratur” dan “berus” yang mempunyai vokal ‘u’

pada suku kata akhir tertutup ditulis sebagai **“kamarol”*, **“tidor”*, **“membasoh”*, **“berator”* dan **“beros”*, iaitu dieja dengan vokal “o”.

Menerusi Jadual 4 ini, dapat diperhatikan bahawa murid menulis vokal “o” kerana guru menyebut bunyi [o] ketika menyebut kata “kamarul”, “tidur”, “membasuh”, “beratur dan “berus”. Dalam hal ini, guru tidak mengujarkan kelima-lima kata ini sebagai [ka.mã.rul], [ti.dur], [mãm.ba.suh], [bə.ra.tur] dan [bə.rus], sebaliknya mengujarkannya sebagai [ka.mã.rol], [ti.do], [mãm.ba.soh], [bə.ra.tor] dan [bə.ros].

Jadual 3 dan Jadual 4 ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan murid terhadap kosa kata masih minimum dan murid mengeja kata semata-mata berdasarkan sebutan guru. Hal ini menyebabkan murid Tahun 1 berisiko untuk menghasilkan bentuk ejaan yang tidak tepat hasil pembelajaran yang diperoleh di dalam kelas. Oleh itu, guru perlu memainkan peranan agar fenomena ini tidak berterusan kerana murid pada peringkat awal usia masih bergantung pada orang sekelilingnya, termasuklah guru untuk membantunya menguasai kosa kata bahasa Melayu. Hal ini seiring dengan penjelasan oleh Nur Farahkhanna Mohd Rusli et al. (2022a) yang menyatakan bahawa penggunaan bahasa Melayu yang betul dapat memberikan pengetahuan bahasa yang tepat kepada murid, terutamanya yang berada pada peringkat awal persekolahan, seperti murid prasekolah dan murid Tahun 1.

Selain itu, jika input bunyi yang diterima tidak tepat, output yang dihasilkan oleh murid, termasuklah dalam konteks ejaan, dikhuatiri bercanggah daripada aturan bahasa atau nahu yang betul. Keadaan ini dapat dilihat secara jelas dalam contoh kata yang dihasilkan oleh murid, seperti dalam kata “aref” dan “membasoh” yang berbeza daripada ejaan kata yang sebenar. Dalam hal ini, komunikasi yang betul, tepat, gramatis dan berkesan ternyata sangat penting bagi mempengaruhi input yang bakal diterima oleh murid (Nur Farahkhanna Mohd Rusli et al., 2022b).

KESIMPULAN

Menerusi perbincangan terhadap hasil kajian ini, dapat dirumuskan bahawa komunikasi yang betul dan tepat mempengaruhi input yang diterima oleh pendengar. Kesalahan ketika menyampaikan maklumat dapat menyebabkan pendengar menerima maklumat yang kabur dan kurang tepat.

Dengan menggunakan teori fonologi generatif, perubahan vokal /i/ dan /u/ kepada vokal [e] dan [o], masing-masing dalam ujaran guru ini

dapat ditangani oleh rumus perendahan vokal, iaitu berlaku perubahan fitur vokal [+tinggi] kepada fitur vokal [-tinggi]. Dari segi sosiofonologi pula, perubahan bunyi tersebut dapat dikaitkan dengan pemilihan penggunaan bahasa alamiah yang digunakan oleh penutur dalam kehidupan seharian, gangguan bahasa dan pengaruh dialek. Perubahan vokal /i/ dan /u/ kepada vokal [e] dan [o], masing-masing dalam ujaran guru ini juga menyebabkan murid tersalah anggap terhadap ejaan kata yang diujarkan kerana tidak mempunyai latar pengetahuan terhadap bunyi sebenar kata yang diujarkan itu. Kesannya, murid semata-mata mengeja berdasarkan sebutan guru tanpa menyedari bahawa sebutan guru tersebut telah dipengaruhi oleh aspek sosiofonologi. Dalam hal ini, murid mengekalkan ejaan sebagaimana bunyi yang didengarnya, iaitu vokal [e] dan [o]. Dari segi implikasi, dapatan kajian ini diharap dapat dimanfaatkan, terutamanya oleh guru agar bersama-sama menggunakan bahasa Melayu dengan betulnya mengikut konteksnya, baik dari segi lisan atau tulisan.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah hasil penyelidikan daripada Geran Penyelidikan Universiti Fundamental 2019 (GPUF 2019-0198-106-01) yang diberikan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (PPP) UPSI kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Nur Farahkhanna Mohd Rusli: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penyediaan makalah, penulisan makalah, penyediaan makalah akhir, semakan, pengesahan makalah akhir, penghantaran manuskrip akhir dan lain-lain; Norfaizah Abdul Jobar: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, semakan; Nur Faaizah Md Adam: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, semakan; Abdul Rasid Jamian: Penginterpretasian hasil, semakan.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2019). *Pengetahuan asas penyelidikan dalam kesusasteraan Melayu*. MZ Edu Publications.
- Ahmad Omar. (2006). *Sebutan bahasa Melayu baku dalam kalangan penutur satu kajian kes* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Haji Omar. (1995). *Rekonstruksi fonologi bahasa Melayu induk*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (1989). Pembakuan bahasa Melayu: Falsafah, sejarah dan aspek aspeknya. *Dewan Bahasa, 33*.
- Azman Wan Chik (ed) (1986). *Mengajar bahasa Malaysia Jilid 1: Perkaedahan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky, N., & Halle, M. (1968). *The sound pattern of English*.
- Farid M. Onn & Ajid Che Kob (1981). Pengaruh bahasa daerah dalam proses pembelajaran bahasa Malaysia di kalangan pelajar-pelajar Melayu. *Monograf, 5*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan.
- Holey, J. (1997). Sociophonology. Dlm. F. Coulmas (Ed.), *The handbook of sociolinguistics* (93–106). Blackwell.
- Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Sarudin & Khairul Azam Bahari. (2018). Upaya berbahasa Melayu tinggi dan berbudaya (BMTB) dari sudut morfo-fonetik dan sosiolinguistik dalam kalangan guru pelatih. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business, 2*(8),153–161.
- Hyman, L. M. (1975). *Phonology: Theory and analysis*. University of Southern California.
- Idris Aman & Shahidi Abd. Hamid (2001). Variasi sosial sebutan bahasa Melayu: Kajian sosiofonologi di sekolah. *Jurnal Bahasa, 1*(4), 466–482.
- Indhumathy Munusamy. (2013). *Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar peralihan di tiga buah sekolah di daerah Skudai* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia.

- Khairuddin Mohamad. (2011). *Literasi bahasa Melayu: Siri pendidikan guru*. Penerbitan Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Khasanah & Muhammad Nanang Qosim. (2017). Wacana Sosiofonologis pelafalan huruf /ɟ/ dalam huruf hijaiyah pada masyarakat Jawa. Dlm. *The 6th University Research Colloquium 2017* (323–332). Universitas Muhammadiyah Magelang. Indonesia.
- Labov, W. (1972). *Sociolinguistics patterns*. University of Pennsylvania Press.
- Mashetoh Abd. Mutalib. (2014) Budaya berbahasa lisan dalam kata penegas daripada perspektif sosial. *Jurnal Linguistik*, 18(2), 47–55.
- Nur Farakhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jobar & Nur Faaizah Md Adam. (2022a). Kesalahan ejaan murid berdasarkan bunyi konsonan dalam ujaran guru: Analisis fonologi generatif. *Issues in Language Studies*, 11(2), 37–60.
- Nur Farakhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jobar & Nur Faaizah Md Adam. (2022b). Hubungan kait antara kesalahan ejaan murid dengan ragam bahasa dalam ujaran guru. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 4(1), 58–74.
- Nur Fathiha Asyikin Baharin, Rohani Mohd Yusof & Noor Hasnoor Mohamad Nor. (2021). Perubahan fonologi dalam bahasa Duano dan bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 32(2), 112–133.
- Rahizian Mohd Shukor, Nur Farakhanna Mohd Rusli & Kesavan Nallaluthan. (2021). Eufemisme dan disfemisme dalam komunikasi pelajar berdasarkan prinsip kesantunan Leech. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 1–10.
- Rendy Aditya. (2017). Kesalahan berbahasa dalam karangan deskripsi berbahasa Mandarin mahasiswa prodi pendidikan bahasa Mandarin. *Jurnal Ilmiah Bahasa Sastra dan Pembelajarannya (Paramasastra)*, 4(1), 128–145.
- Roca, I., & Johnson, W. (1999). *A course in phonology*. Blackwell Publisher Inc.
- Roca, I. (2003). *Generative phonology: Linguistic theory guides*. Routledge.
- Shahidi Abd. Hamid & Rahim Aman (2010). Pengaruh dialek dalam pertuturan bahasa Melayu standard: Pencerakinan bunyi berasaskan spektrogram. *Jurnal Bahasa*, 10(2), 287–297.
- Sumarsono. (2010). *Sosiolinguistik*. Pustaka Pelajar.
- Trudgill, P. (1974). *The social differentiation of English in Norwich*. Cambridge University Press.